



**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA  
DATO' DR JUHARI BIN AHMAD, D.I.M.P.,A.M.N.,S.I.S.,A.M.S  
TIMBALAN YANG DIPERTUA MPS  
DI MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 6/2019  
26 JUN 2019, RABU  
09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj  
Wan Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil. 6 /2019 bagi bulan Jun** pada pagi yang berbahagia ini.

## **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

1. Untuk makluman, sehingga 31 Mei 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak RM 48.50 juta (95.09%) daripada RM51 juta.
2. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM3.9 juta (55.67%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta.
3. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 1 April 2019. Sebanyak 27,093 keping waran telah dikeluarkan dan 16,460 keping waran telah dihantar sehingga 31 Mei 2019.
4. Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu
5. MPS turut akan menyita harta alih di dalam premis yang menyamai jumlah tunggakan cukai taksiran premis tersebut. Bagi premis yang tidak diduduki, MPS akan mengambil tindakan melelong premis tersebut bagi menjelaskan tunggakan cukai taksiran selaras dengan seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976.
6. Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.
7. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.

Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

8. MPS juga telah mengeluarkan bil cukai taksiran penggal 2/2019 pada bulan Jun 2019 sebanyak 129,170 bil. Dan untuk makluman semua, tarikh akhir bagi pembayaran bil penggal 2/ 2019 adalah pada 31 Ogos 2019. Pemilik yang menjelaskan cukai awal akan mendapat cenderahati selagi stok masih ada.

### **MAKLUM BALAS MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN**

9. Untuk makluman semua, MPS telah pun menerima keputusan maklum balas Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan. Hasil maklum balas tersebut memaklumkan bahawa semua Ahli Majlis agar sentiasa berhati-hati dan bertanggungjawab terhadap sebarang kenyataan yang dikeluarkan kepada mana-mana pihak termasuklah pihak media.

### **UCAPAN TERIMA KASIH BAGI MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)& SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MPS**

10. Seperti semua sedia maklum, pada 18 Jun 2019 yang lalu, MPS telah mengadakan Majlis APC 2018 bersekali dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPS.
11. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa induk yang diketuai oleh Jabatan Korporat dan Jabatan Khidmat Pengurusan yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ini dan sekalung tahniah diucapkan kepada semua penerima APC.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada YB Tuan Muhammad Hilman yang sudi hadir menyempurnakan majlis penyampaian APC.

12. Dan alhamdulillah sekali lagi pada tahun ini majlis sambutan Hari Raya MPS telah berjalan dengan lancar dan penuh meriah dengan kehadiran para tetamu jemputan dan juga masyarakat setempat. MPS juga amat berbesar hati dengan kesudian YAB Dato' Menteri Besar Selangor untuk hadir ke Majlis Rumah Terbuka MPS. Saya berharap agar sambutan perayaan seperti ini dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun akan datang.

### **SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA MPS**

13. Untuk makluman semua, pada 1 Julai 2019 (Isnin) MPS buat kali pertamanya akan mengadakan Sambutan Hari Penguatkuasa MPS di Dataran MPS pada jam 8.30 pagi
14. Untuk makluman semua, objektif utama sambutan ini diadakan adalah bagi memperingati penubuhan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS iaitu selama 37 tahun meyumbang bakti. Selain itu juga, sambutan ini diharapkan dapat memberi motivasi kepada anggota penguatkuasa bagi meningkatkan keazaman dan mutu kerja untuk kecemerlangan MPS.
15. Saya juga turut dimaklumkan bahawa sambutan ini akan diadakan selama satu bulan dengan pelbagai aktiviti menarik yang akan dijalankan seperti demo cara tunda kenderaan, persembahan kawad senyap, pameran, Majlis Makan Malam dan lain-lain lagi.
16. Di sini, saya ingin menjemput semua Ahli Majlis dan pengarah-pengarah jabatan untuk bersama-sama hadir dan memberi sokongan penuh bagi program ini. Saya berharap

agar Sambutan Hari Penguatkuasa ini dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### **KARNIVAL 3W (WELLNESS, WELFARE & WOMEN)**

17. Selain itu juga, saya ingin berkongsi kepada semua mengenai Karnival 3W dengan bertemakan Hari Denggi Sedunia dan Hari Bapa.
18. Untuk makluman semua, Karnival 3W ini yang merupakan anjuran MPS bersama Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor akan diadakan pada 6 Julai 2019 (Sabtu) di Padang Batu Caves.
19. Saya juga turut dimaklumkan bahawa Karnival 3W ini akan dirasmikan oleh YAB Tuan Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan turut dihadiri oleh YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud, Pengerusi Tetap Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga.
20. Sesungguhnya, saya merasakan Karnival 3W ini merupakan satu platform yang terbaik untuk pihak Jawatankuasa Negeri Selangor dan MPS berinteraksi secara terus dengan masyarakat.
21. Melalui karnival ini juga, masyarakat akan diberi pendedahan dan pendidikan tentang bahayanya nyamuk Aedes bahkan sekaligus dapat menghargai jasa dan pengorbanan kaum bapa bersempena dengan sambutan Hari Bapa.
22. Jesteru, saya berharap agar Ahli-Ahli Majlis dapat menwar-warkan mengenai Karnival 3W ini kepada JKP zon masing-masing agar program ini dapat dimeriahkan lagi dengan jayanya.

## **MAKLUM BALAS BELANJAWAN MPS**

23. Dan untuk pengetahuan semua juga, MPS kini dalam proses merangka belanjawan MPS bagi tahun 2020. Oleh itu, pandangan dan input orang ramai amatlah diperlukan bagi memastikan belanjawan yang dirangka dapat memenuhi keperluan stakeholder MPS.
24. Di sini saya ingin menyeru kepada semua Ahli Majlis, para pengarah dan media untuk membuat hebahan mengenai maklum balas belanjawan MPS yang akan berakhir pada minggu ini.

## **MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT DAERAH GOMBAK TAHUN 2019.**

25. Saya juga ingin memanjangkan jemputan bagi Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat Daerah Gombak kepada tuan puan semua. Untuk makluman, majlis rumah terbuka ini adalah merupakan anjuran semua agensi kerajaan di Gombak dan juga dengan kerjasama MPS. Majlis ini akan diadakan pada hari ini di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak pada jam 11 pagi hingga 3.00 petang. InshaAllah, selesainya mesyuarat penuh kita nanti, saya menjemput semua untuk ke sana.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

